

# **POLISI AMERIKA TERHADAP PERKEMBANGAN POLITIK ISLAM DI MESIR**

Oleh:

Fawaz A. Gerges

Terjemahan dan Ulasan:

Badlihisham Mohd Nasir

## **Abstract**

*It is commonly known that there was unsettled conflict between the West and the Islamic world. The conflict which was manifested in the form of debated throughout many decades became a serious discussion particularly after the tragedy of September 11, 2001. Islam which was largely been associated with radicalism and terrorism becomes the world first enemy. Hence, many actions have been taken to eradicate the resurgence of political Islam in the Muslim world. Some of them involves the establishing of certain particular policy by the States in the Middle East. The essay which is based on the chapter of the book entitled America and Political Islam: Clash of Culture or Clash of Interests? written by Fawaz A. Gerges will introduce the process of establishing American policy in Egypt, the anchor of the Islamic political movement for the Muslim world of today.*

## **PENDAHULUAN**

Peristiwa 11 September 2001 amat mempengaruhi perkembangan Islam di alaf baru ini. Berbagai persepsi kebanyakannya negatif dihalakan terhadap agama samawi itu. Antara lain, Islam dianggap sebagai agama pengganas atau terroris yang perlu ditangani oleh seluruh masyarakat moden yang cintakan keamanan dan kebebasan. Peristiwa itu telah memperkuatkan lagi anjakan ke arah pembinaan polisi masyarakat antarabangsa ke atas Islam dan umatnya. Islam sebenarnya telah menarik perhatian ramai pihak khususnya Amerika sehingga negara tersebut merangka berbagai polisi terhadap negara-negara Islam terutamanya di Timur Tengah yang dilihat sebagai berpotensi menjelaskan kepentingannya. Sebagai sebuah negara yang berpengalaman dalam membentuk polisi ke atas negara-negara yang ingin dikawalnya, Amerika sekali

lagi tampil mencampuri dasar dan urusan politik di negara Islam seperti Mesir yang semakin getir berdepan dengan kebangkitan gerakan Islam. Penulis menampilkan pendekatan Amerika terhadap politik Islam di negara tersebut berdasarkan terjemahan sepenuhnya daripada satu bab dalam buku *America and Political Islam: Clash of Culture or Clash of Interests?* tulisan Fawaz A. Gerges.<sup>1</sup> Buku ini merupakan karya akademik yang boleh dimanfaatkan dalam mengkaji sikap dan dasar semasa Amerika terhadap perkembangan politik Islam negara-negara bergolak seperti Iran, Turki, Algeria dan Mesir.

## LATARBELAKANG KONFLIK DI MESIR

Ketika dunia sibuk memerhatikan konfrontasi yang berlanjutan di antara puak Islam dan regim Algeria, para pemerhati tidak mengendahkan suatu pertembungan yang lebih sengit iaitu di antara kerajaan Mesir dengan kumpulan pembangkang Islam. Sejak awal tahun 1990an, Mesir telah menyaksikan perang dingin di antara regim Mesir dengan puak Islam yang mana ia telah menelan ribuan korban, serta berbilion dolar telah hangus dalam industri pelancungan. Pegawai-pegawai Amerika begitu bimbang apabila melihat situasi keselamatan yang semakin buruk khususnya dalam konteks hubungan di antara pemerintah Mesir dengan rakyatnya. Menurut suatu laporan yang tidak dapat disahkan dalam *The Sunday Times*, London melaporkan bahawa pada awal 1993 sebuah badan yang mewakili sumber-sumber dari agensi seluruh Amerika bernama National Intelligence Estimate mendakwa; "Islamic fundamentalist terrorists will continue to make gains across Egypt, leading to the eventual collapse of the Mubarak government."<sup>2</sup>

Walaupun sebahagian pegawai Amerika menafikan ancaman tersebut, hakikatnya Amerika begitu memberikan perhatian serius terhadap rentetan peristiwa yang berlaku di Kaherah.<sup>3</sup> Sebagaimana penglibatan Amerika di negara-negara Timur Tengah yang lain, Amerika sebenarnya turut terlibat dalam perkembangan yang berlaku di Mesir. Mesir dianggap sebagai gerbang ke negara-negara Arab lain dan berperanan sebagai *anchor* kepada polisi di Timur Tengah khususnya dalam usaha mengeluarkan minyak

---

<sup>1</sup> Fawaz A Gerges, *America and Political Islam: Clash of Culture or Clash of Interest?*, (Cambridge: Cambridge University Press, 1999), hal. 171-191.

<sup>2</sup> James Adams, "Mubarak at Grave Risk of Being Overthrown by March of Islam," 20 Februari 1994.

<sup>3</sup> Temubual dengan dua pegawai Majlis Keselamatan Nasional, Washington DC, 29 dan 30 Mac 1995.

### Politik Amerika Terhadap Perkembangan Politik Islam Di Mesir

di rantau Teluk dan peranannya yang aktif dalam proses damai Arab-Israel. Amerika telah banyak melabur di Mesir dengan menyediakan dana bantuan dalam bidang ekonomi dan ketenteraan yang bernilai lebih dari dua billion pada setiap tahun. Sejak 1979, Kaherah telah menjadi sekutu rapat Washington khususnya dalam menggerakkan proses rundingan damai Arab-Israel dan menyokong misi bersekutu Amerika ke atas Iraq.<sup>4</sup> Justeru itu, pegawai Amerika amat berharap agar Mesir dapat kekal menjadi pemantau kestabilan di rantau yang penuh bahanaya itu.

Dasar Amerika terhadap Mesir seharusnya dilihat dalam konteks ini. Berbeza dengan sikap yang ditunjukkan terhadap Algeria, Amerika tidak boleh terpisah dan bebas daripada menangani cabaran yang dihadapi oleh kerajaan Mesir yang menjadi sekutunya itu. Sejak mula lagi, pegawai-pegawai Amerika terpaksa mengakui betapa getirnya krisis di Mesir dan kepentingan untuk campurtangan supaya ia tidak kehilangan pengaruh sekiranya golongan Islam berjaya merebut kuasa nanti. Washington tidak dapat membayangkan bagaimana pertarungan merebut kuasa di Mesir menjadi lebih terbuka selepas ini. Oleh sebab itu, dalam penelitian polisi Amerika terhadap politik Islam, situasi di Mesir dianggap sebagai acuan yang sama kepada Algeria.

### PERJUANGAN DALAMAN UNTUK MEREBUT KEKUASAAN

Regim Mubarak umumnya berjaya mengawal ancaman unsur-unsur radikal puak Islam seperti gerakan *Jamā'ah Islāmiyyah* dan *Jihād*. Ia telah mencapai kejayaan besar dalam memerangi kempen keganasan yang dilancarkan selama tujuh tahun oleh gerakan berkenaan.<sup>5</sup> Bagaimanapun, kerajaan Mesir gagal memenangi hati dan pemikiran kelas menengah Mesir yang terpisah atau bebas daripada kerajaan. Kejayaan kumpulan *Jamā'ah Islāmiyyah* dan *Jihād* membayangkan kelemahan sistem politik dan ekonomi kerajaan, mendedahkan kebergantungannya dengan pertolongan luar dan Amerika. Justeru itu, Mesir seolah-olah hilang kekuasaannya.

Pertembungan sengit di antara militan Islam dan Regim Mesir telah digunakan oleh barisan pembangkang Islam khususnya *Ikhwān Muslimīn*. *Ikhwān* cuba mengambil kesempatan daripada keadaan keselamatan yang tidak menentu ini dengan mendesak Mubarak supaya membuka ruang politik dan berkongsi kuasa. Gabungan

<sup>4</sup> Fawaz A. Gerges, "Egyptian-Israeli Relations Turn Sour," *Foreign Affairs* 74, no. 3 (Mei/Jun 1995), hal. 78.

<sup>5</sup> Doughlas Jehl, "Egypt Is Playing Down Sheik's Jail Term in U.S.," *New York Times*, 20 Januari 1996.

tekanan keselamatan dan politik telah meningkatkan lagi kawalan pertahanan negara Mesir. Mubarak memberikan tindakbalas dalam dua bentuk yang berbeza iaitu dari sudut dalaman dan luaran.

**Dari sudut dalaman:** regim Mubarak mula berundur daripada amalan politik dan kebudayaan sekular dengan cara mengIslamisasikan ruang sosial-politik. Dialog-dialog rasmi telah mencerminkan keislaman di mana kerajaan mulai menitikberatkan nilai-nilai keagamaan.<sup>6</sup> Ini dapat dilihat dalam bidang pendidikan dan komunikasi khususnya menerusi TV iaitu sebuah media kritis yang berperanan penting dalam membentuk pandangan masyarakat.<sup>7</sup> Proses Islamisasi dari dalam adalah perlahan tetapi beransur-ansur menukar watak negara Mesir. Dari segi zahir, seorang pelancong ke Kaherah dengan mudahnya dapat menyaksikan simbol-simbol keagamaan di seluruh bandaraya; daripada ramainya lelaki yang berjanggut hingga kepada wanita-wanita yang memakai tudung kepala. Ketidakupayaan Mubarak dalam menyelesaikan masalah sosial-ekonomi yang meningkat telah menyebabkan beliau memperlakukan program liberalisasi yang dirintisnya pada tahun 1980an dan memperkuatkan tekanannya terhadap aktivis-aktivis Islam.<sup>8</sup>

Malahan, kerajaan Mesir seterusnya tidak lagi membezakan di antara puak Islam yang mendokong keganasan dan majoriti yang tidak terlibat. Mubarak membenarkan operasi keselamatan yang serupa terhadap golongan moderat dan militan.<sup>9</sup> Beliau menuduh *Ikhwān Muslimīn* berkongspirasi dengan *Jamā‘ah Islāmiyyah* dalam aktiviti pengganas. Apabila ditanya kenapa beliau tidak mengusahakan dialog dengan puak moderat Islam, Mubarak menjawab dengan marah; “who are the moderates? Nobody

<sup>6</sup> Mustapha K. al-Sayyd, “A Civil Society in Egypt,” *Middle East Journal* 47, no. 2 (Spring 1993), hal. 241-242; Sana Hasan, “My Lost Egypt,” *New York Times*, Ahad, 22 Oktober 1995, Magazine Section, hal. 63; Fouad Ajami, “The Sorrows of Egypt,” *Foreign Affairs* 74, no. 5 (September/Okttober), hal. 77.

<sup>7</sup> Satu tinjauan yang dijalankan oleh sebuah pusat kajian di Mesir menunjukkan bahawa 73% orang-orang Mesir bergantung kepada TV untuk berita dan hiburan. Adalah penting untuk dijelaskan di sini bahawa tiada sebarang stesyen TV yang dimiliki oleh sektor swasta di Mesir. Lihat “Sixty-Six Percent of Egyptians Do Not Pay Attention to Politics,” *Al-Hayāt*, 19 April 1997.

<sup>8</sup> Doughlas Jehl, “Islamic Militants War on Egypt: Going International,” *New York Times*, 20 November 1995, dan “In the Face of Criticism, Egypt Sentences 54 Muslim Leaders,” *New York Times*, 24 November 1995.

<sup>9</sup> “Where Islam Recruits,” *Economist*, 12 November 1994, hal. 14; Fahmi Howaidi, “Political Thinking!,” *Al-Ahrām*, 2 Mac 1993; Ahmed Abdallah, “Egypt’s Islamists and the State,” *Middle East Report* (Julai/Ogos 1993), hal. 29.

has succeeded in delineating them for me.”<sup>10</sup> Dalam tragedi serangan pengganas di Luxor pada 1997 di mana enampuluh lapan orang asing dan rakyat tempatan terbunuh, Mubarak yang menolak peluang dialog dengan puak militan Islam menempelak; “Dialogue with whom? It will be the dialogue of the deaf. We had a dialogue with them for fourteen years, and every time we engaged them, they became stronger … Dialogue is old-fashioned. The ones who are asking for dialogue do not know [Islamists]. We know them better.”<sup>11</sup>

Pada Ogos 1995, pihak berkuasa Mesir telah menahan dan menghadapkan beratus-ratus pimpinan *Ikhwān Muslimīn* ke mahkamah khas tentera yang pada asalnya diperuntukkan kepada mereka yang disyaki sebagai pengganas.<sup>12</sup> Mahkamah Mesir juga memerintahkan penutupan beberapa badan professional yang dikuasai oleh *Ikhwān* dalam rangka membendung kegiatan politik mereka.<sup>13</sup> Regim Mubarak bertindak lebih jauh dengan mengetarkan aktiviti badan Hak Asasi Manusia Mesir dan organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO).<sup>14</sup>

**Dari sudut luaran:** menyaksikan Mubarak menuduh Iran, Sudan dan veteren perang Afghanistan yang dikatakan bertindak membantu teroris dan meniupkan keganasan Islam di Mesir dan sekitarnya. Dia cuba menunjukkan bahawa perebutan kuasa di Mesir sebagai sebahagian kempen antarabangsa yang didalangi dan dibiayai oleh negara Islam Iran dan Sudan, beliau berkata; “We are confronting foreign plots and attempted intervention.”<sup>15</sup> Mubarak merasa yakin bahawa percubaan beliau untuk

<sup>10</sup> Mohammed Saleh, “Mubarak: ‘The Brothers’ Practice Terrorist Activities,” *Al-Hayāt*, 27 September 1995.

<sup>11</sup> Jihan al-Husseini dan Ishraf al-Fiqi, “Mubarak: The Terrorists in Britain and No Dialogue with Them Because It Strengthens Them,” *Al-Hayāt*, 24 November 1997.

<sup>12</sup> Mohammed Saleh, “Egypt: The Moment of Reckoning for the Muslim Brothers,” *Al-Wasat*, 7 Ogos 1995, hal. 14-17.

<sup>13</sup> *Al-Hayāt*, 29 January 1996; Wahid Abd al-Majid, “A Fundamentalist Threat?” *Al-Hayāt*, 28 Julai 1997.

<sup>14</sup> Mohammed Saleh, “Egypt: Confrontation Between the Government and Human Rights Organisations, *Al-Hayāt*, 10 Ogos 1995, hal. 7; Denis J. Sullivans, “State and Civil Society in Conflict in Egypt,” *Journal of Middle East Affairs* 3, no. 1-2 (Winter/Spring 1997), hal. 72-77.

<sup>15</sup> “U.S - Egyptian Search for Peace and stability in the Middle East: President Clinton and President Mubarak’s News Conference,” *U.S Department of State Dispatch*, vol. 4, no. 15, 12 April 1993, hal. 227. Lihat juga *Al-Hayāt*, 11 Ogos 1995, hal. 5 dan *Al-Hayāt*, 28 Ogos 1995, hal. 1.

melibatkan Iran dan Sudan dalam krisis dalaman di Mesir akan menarik perhatian Amerika yang telah pun melabelkan negara tersebut sebagai negara teroris. Tetapi kesukaran Mubarak semakin rumit daripada hanya cuba meletakkan kesalahan kepada beberapa jirannya. Sebagai contoh, selepas serangan dahsyat kumpulan *Jamā‘ah Islamiyyah* di Luxor, Mubarak menyelar Britain dan negara Eropah lain dengan berang justeru memberi perlindungan politik kepada “pengganas Mesir” di bawah peruntukan Hak-hak Asasi Manusia dan berkata; “I believe that if the world had cooperated against terrorism, the Luxor strike would not have happened. The terrorists have protection in Britain and other European countries, while they commit their crimes, collect money, and plan with the Afghani elements, who are all killers!”<sup>16</sup> Mubarak sejak awal lagi telah memberi amaran kepada negara Eropah yang memberikan perlindungan politik kepada militan Islam bahawa mereka akan “membayar harganya dengan mahal suatu hari nanti.”<sup>17</sup>

Strategi Mubarak dirangka untuk mengalihkan perhatian dunia dari masalah dalaman Mesir yang menggelegak dan krisis kekuasaan politiknya. Dia juga berharap dapat meminta bantuan Amerika dalam menentang aktivis Islam di Mesir dan seluruhnya. Justeru kecewa mendapatkan bantuan dari Washington, Mubarak mula mengkritik pentadbiran Clinton yang dikatakan gagal berperanan secara lebih aktif dalam perang menentang pengganas antarabangsa. Dia juga menuduh pentadbiran Amerika mengadakan hubungan rahsia dengan dengan terrorist dari kalangan *Ikhwān*, beliau mengingatkan; “You think you can correct the mistakes that you made in Iran, where you had no contact with the Ayatollah Khomeini and his fanatic groups before they seized power. But, I can assure you, these groups will never take over this country; and they will never be on good terms with the United States.”<sup>18</sup>

Mubarak menyalahkan Amerika kerana menyediakan pengkalan kepada rangkaian Islam antarabangsa melalui sokongan kepada mujahidin Afghan menentang penaklukan Soviet, beliau memberi amaran bahawa; “the United States should play ‘a tough role’ in putting the Islamic genie back into the bottle again.”<sup>19</sup> Selepas letupan

<sup>16</sup> “Mubarak: The Terrorist in Britain and No Dialogue with Them Because It Strengthens Them,”

<sup>17</sup> “Egypt Is Upset by Britain’s Non-cooperation in Combating Terrorism,” *Al-Hayāt*, 30 November 1997; Jehl, “Islamic Militants War on Egypt.”

<sup>18</sup> Mary Anne Weaver, “The Battle for Cairo,” *New Yorker*, 30 Januari 1995, hal. 69. Lihat juga *New York Times*, 3 dan 5 April 1993 serta 20 November 1995.

<sup>19</sup> Elaine Sciolino, “Egypt Warned U.S of Terror, Mubarak Says,” *New York Times*, 5 April 1993. Lihat juga Hussam Kamal. “Egyptian Official Blames America for the Arab Afghani Phenomenon,” *Al-Hayāt*, 26 Mei 1997.

### Politik Amerika Terhadap Perkembangan Politik Islam Di Mesir

bom di World Trade Center pada tahun 1993, Mubarak mengumumkan bahawa serangan itu boleh dihalang sekiranya pegawai Amerika memberikan perhatian terhadap amaran negaranya tentang kewujudan rangkaian fundamentalis Islam di Amerika.<sup>20</sup> Mubarak mendesak Amerika supaya tegas dalam menentang keganasan antarabangsa khususnya kumpulan fundamentalis Islam dan negara-negara pendokongnya seperti Iran, Sudan dan puak Mujahidin di Afghanistan.<sup>21</sup>

Mubarak mahu mempengaruhi polisi Amerika terhadap politik Islam serta menghindari tentangan barisan pembangkang Islam terhadap regimnya yang sedang ditentang itu. Mubarak merasa bimbang terhadap Amerika yang mula membuka pintu kepada FIS (Algerian Islamic Salvation Front) dan kesannya terhadap dasar Amerika terhadap puak Islam di rantau itu.

### HUBUNGAN AWAL PENTADBIRAN CLINTON DENGAN PUAK ISLAM

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya, pegawai Amerika pada pertengahan tahun 1990an telah merasa bimbang mengenai situasi tidak stabil yang dihadapi oleh regim Mubarak. Ketika kerajaan Mesir memerangi kumpulan *Jamā'ah Islamiyyah*, *Jihād* dan lain-lain, *Ikhwān Muslimīn* telah menonjolkan dirinya sebagai paksi politik alternatif dan moderate. Sesungguhnya *Ikhwān* adalah kumpulan yang paling mendapat faedah daripada konfrontasi sengit di antara kerajaan dan puak *Jamā'ah*. Tindakan kasar dan ganas kerajaan terhadap *Ikhwān* gagal untuk membentras popularitiinya.<sup>22</sup>

<sup>20</sup> Apabila diminta untuk mengulas kenyataan Mubarak, Laurance Pope, penyelaras bagi Menentang Pengganas di Jabatan Negara menolak perkiraan Mubarak itu. Beliau berkata bahawa Mesir tidak memberikan sebarang maklumat mengenai kemungkinan serangan pengganas yang bakal beroperasi di Amerika. Lihat Hearing of the Senate Judiciary Committee, Terrorism and America: A Comprehensive Review of the Threat, Policy and Law, 21 April 1993, hal. 32.

<sup>21</sup> *New York Times*, 5 April 1993.

<sup>22</sup> Pihak berkuasa Mesir beranggapan bahawa *al-Jamā'ah* dan *Ikhwān al-Muslimīn* adalah seperti dua belah pihak dari sekeping duit syiling yang sama. Lihat, Mohammed Saleh, "Mubarak: The Brothers' Practice Terrorist Activities." Sebagaimana penulis Mesir menuduh *Ikhwān* percaya kepada keganasan sebagai instrumen yang sah dalam perjuangan politik mereka. Lihat sebagai contoh, Hala Mustapha, "The Brothers and the Egyptian State: New Confrontation," *Al-Wasat*, 7 Ogos 1995, hal. 18-19. Lihat juga bukunya dalam bahasa Arab *The State and the Islamic Opposition Movements: Between Truce and Confrontation During the Sadat and Mubarak Administrations*, (Cairo: Markaz Al-Mahrousa li al-Nasyr, 1995); Joseph Kechichian dan Jeanne Nazimek, "Challenge to the Military in Egypt," *Middle East Policy* 5, no. 3 (September 1997), hal. 133.

Dari sudut politik, *Ikhwān* kekal sebagai kuasa pembangkang yang berkesan di Mesir. Ini sebagaimana yang telah diberitahu oleh seorang penulis Mesir kira-kira lima tahun lalu bahawa *Ikhwān*; “is becoming a pole of power for a radical but non-violent Islamist alternative in Egypt. If free elections were held now, a repetition of the Algerian episode would be serious prospect.”<sup>23</sup> Semakin kerajaan Mesir cuba menekan *Ikhwān* semakin ianya bangkit. Pengharaman dan tekanan yang diberikan kepada *Ikhwān* gagal menjinakkan atau melemahkan arus perdana pembangkang Islam di Mesir.

Walaupun Amerika merasa agak sensitif kepada masalah yang dihadapi oleh Mubarak, ia tidak menerima dakwaan beliau bahawa serangan oleh kumpulan *al-Jamā‘ah* adalah sebahagian daripada rancangan luar yang melibatkan *Ikhwān*. Oleh itu, pada awal tahun 1990an, pegawai Amerika di Mesir telah mengadakan hubungan dengan sebahagian daripada pemimpin *Ikhwān* khususnya dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan membuka ruang diplomatik dengan puak Islam sederhana.<sup>24</sup> Mubarak tersilap membaca hubungan Washington dengan *Ikhwān*. Sebenarnya samada Bush atau pentadbiran awal Clinton, mereka tetap menyokong regim Mubarak. Amerika hanyalah mengambil langkah awal bagi menghadapi kemungkinan ledakan krisis politik Mesir yang tidak dapat dijangkakan.

Pegawai di National Security Council (NSC) melahirkan kekecewaannya terhadap salah faham Mesir ke atas sikap Washington mengenai puak Islam itu dengan nada; “meeting with Islamic leaders is distinct from policy. Incumbent regimes are not the only actors with whom the U.S government maintains relations. Opposition actors have a role to play. Islamists are important players in the Middle East and North Africa.”<sup>25</sup> Pegawai NSC ini tidak menyatakan sebarang percanggahan di antara mengadakan perbincangan dengan sebahagian puak Islam yang menggunakan kekerasan dan polisi Amerika yang secara jelas dapat membezakan di antara moderate dan extremis Islam; “Collecting information is traditional diplomacy. This is true of American contacts with other non-Islamic organizations. The United States seeks neither protection nor the establishment of close ties with Islamists, only information gathering.”<sup>26</sup>

Pegawai NSC lain membentangkan alasan yang lebih kukuh bagi meneruskan

<sup>23</sup> Abdallah, “Egypt’s Islamists and the State,” hal. 30.

<sup>24</sup> Beberapa pegawai Amerika mengakui mengadakan hubungan dengan segelintir puak Islam di Mesir.

<sup>25</sup> Temubual, Washington DC, 30 Mac 1995.

<sup>26</sup> *Ibid.*

hubungan Amerika dengan puak Islam Mesir yang tertentu. Sumber rasmi NSC itu menyebut bahawa regim-regim di Asia Barat mungkin terpaksa runtuh di masa depan kerana perubahan tidak lagi dapat dibendung. Justeru itu, salah satu daripada matlamat polisi besar Washington ialah untuk menguruskan pertukaran kepada order politik Timur Tengah yang baru dengan kos yang paling minimum. Amerika berpendapat bahawa puak Islam adalah sebagai penghubung di antara jurang kuasa sosial yang berlaku di rantau itu. Justeru untuk selamat, pihak berkuasa hendaklah memperluaskan dasar sosial mereka dengan melibatkan puak-puak Islam ke dalam bidang politik. Realiti inilah yang menjelaskan rasional keputusan pentadbiran awal Clinton yang mengadakan hubungan dialog dengan puak-puak Islam di Algeria dan Mesir. Cabaran yang dihadapi oleh Washington, sebagaimana yang dijelaskan oleh sumber-sumber NSC adalah untuk mengekalkan hubungan dengan puak Islam tanpa melukakan pakatannya (Mesir): "It is a delicate thing. But we need to be in touch with the opposition."<sup>27</sup>

Bagi Amerika, penyelesaian krisis di Egypt bergantung kepada keupayaan Kaherah menguruskan tekanan sosio-ekonomi dan masalah politiknya. Dalam menjelaskan soal meningkatnya konfrontasi di antara regim Mubarak dan *al-Jamā'ah* pada awal 1990an, Clinton berkata bahawa masalah Mesir sama dengan masalah di negara-negara lain iaitu tidak boleh dilihat hanya dari sudut politik sahaja tetapi juga dalam konteks cabaran pembangunan yang mapan, menyeimbangkan pertumbuhan penduduk dengan tekanan dan masalah wujud dengan keperluan menyediakan mereka (rakyat) dengan makanan, perlindungan dan pendidikan serta peluang yang stabil.<sup>28</sup>

Dalam konteks yang sama, Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore menyatakan bahawa cabaran yang dihadapi oleh Mesir di Timur Tengah ialah untuk meningkatkan dan memimpin negara secara ekonomik sebagaimana mereka memimpin negara secara politik.<sup>29</sup> Bagi menunjukkan komitmennya, Clinton membentuk tiga jawatankuasa pembangunan dan pertumbuhan, yang dipengerusikan bersama oleh Al Gore dan Mubarak yang dilakukan demi untuk memperkuatkan sektor swasta.<sup>30</sup> Kerjasama ini

<sup>27</sup> Temubual, Washington DC, 29 Mac 1995.

<sup>28</sup> "Transcript of Remarks by President Clinton and King Hassan II of Morocco in Press Conference," *U.S Newswire*, 15 Mac 1995, hal. 4.

<sup>29</sup> *Al-Hayāt*, 16 Januari 1996.

<sup>30</sup> "U.S - Egypt Partnership for Economic Growth and Development," teks yang dikeluarkan di pertemuan U.S - Egyptian sub-Committee on Economic Policy, Trade, Investment, and External Finance, Washington DC, 2 Jun 1995, *U.S Department of State Dispatch*, vol. 6, no. 24, 12 Jun 1995, hal. 501.

menggambarkan keyakinan pihak pentadbiran bahawa pengswastaan dan liberal kapitalisme berupaya menolong memperbaiki ketenatan ekonomi dan politik Mesir.

Diplomat Amerika dilaporkan telah melakukan beberapa pendekatan rahsia pada awal 1990an, dan Clinton sendiri memaksa Mubarak supaya menjelaskan punca yang mendasari kebangkitan militan Islam seperti tidak mempunyai wakil dalam kerajaan, pengangguran yang tinggi, ketidak seimbangan sosial, kepadatan penduduk, korupsi dan kemerosotan yang berterusan dalam peradaban masyarakat. Mubarak berjaya menyanggah cadangan yang dibuat oleh pegawai-pegawai Amerika tersebut. Berdasarkan kepada krisis Algeria, beliau bimbang jika ketidakstabilan krisis tersebut akan memberi kesan yang boleh menolong proses liberalisasi politik di Mesir. Menurut penulis Mesir, kemenangan besar puak Islam di Algeria pada tahun 1991 memberi isyarat kepada kematian demokrasi di Mesir; namun demikian General Musa, bekas Menteri Dalam Negeri Mesir menyatakan bahawa beliau tetap tidak akan sekali-kali membenarkan kemenangan Islam menerusi peti undi.<sup>31</sup>

Kerumitan di Algeria bukan sahaja menyalaikan rasa tidak selamat regim Kaherah terhadap semua gejala sosial yang dilakukan oleh puak Islam tetapi juga meniupkan rasa takut golongan pemimpin sekular kepada puak extremis Islam. Pemimpin sekular semakin bergantung sepenuhnya kepada regim Mubarak untuk perlindungan daripada golongan fanatic agama. Justeru itu, kerajaan telah menggunakan sepenuhnya sokongan yang diperolehi daripada kedua-dua puak kanan dan kiri untuk memusnahkan puak Islam dari semua segi termasuk terhadap golongan pembangkang sekular. Hasilnya, peradaban masyarakat dan demokrasi menjadi hancur seluruhnya.<sup>32</sup>

## **PERTUKARAN POLISI AMERIKA: SOKONGAN PENUH UNTUK MUBARAK**

Mubarak berkeyakinan bahawa pembuat polisi Amerika tidak akan melaksanakan sebarang tekanan yang kuat terhadap Mesir yang memaksa perang saudara dengan aktivis Islam. Selepas beberapa kali keberatan, pentadbiran Clinton akhirnya menerima pandangan Mubarak dengan menegaskan sokongan Washington kepada kerajaannya. Dalam konteks ini, seawal tahun 1993 pegawai Amerika telah menuduh kerajaan

---

<sup>31</sup> Hasan, "My Lost Egypt," hal. 61.

<sup>32</sup> Mona Makram-Ebeid, "Democratization in Egypt: The 'Algeria Complex,'" *Middle East Policy* 3, no. 3 (1994), hal. 119, 121, 124; Abdallah, "Egypt's Islamists and the State," hal. 29.

## Politik Amerika Terhadap Perkembangan Politik Islam Di Mesir

Sudan sebagai membantu ekstrebris Mesir dengan latihan militan dan pengeboman.<sup>33</sup> Natijahnya, President Clinton menyuarakan sokongannya terhadap usaha Mubarak menentang “teroris agama” dan keganasan dengan menegaskan bahawa kedua-dua negara bersepakat menentang keganasan pelampau sedaya upaya yang boleh.<sup>34</sup>

Justeru percaturan politik dan strategi Kaherah amat penting kepada Amerika, adalah tidak mungkin bagi pentadbiran Clinton untuk menyatakan atau berbuat sesuatu yang merosakkan keselamatan dalaman Mesir atau hubungan baik Washington dengan Kaherah. Jabatan Negara Amerika seolah-olah keberatan untuk mengkritik secara terbuka penahanan dan perbicaraan pemimpin-pemimpin *Ikhwān* sejak 1995 atau peningkatan pelanggaran hak asasi manusia di Mesir. Pegawai Amerika pula bersikap tidak menghiraukan langsung tindakan Mesir yang meningkatkan tekanannya itu.<sup>35</sup>

Pada 1994, sebahagian penasihat pentadbiran Clinton melahirkan rasa puashati mereka bahawa Mesir akhirnya mencapai beberapa kejayaan penting dalam perangnya menentang keganasan, dan secara tergesa-gesa tepaksa mengakui bahawa nilai-nilai demokrasi dan penghormatan kepada hak asasi manusia mungkin menjadi korban.<sup>36</sup> Beberapa kenyataan telah mengambarkan keresahan pihak Washington terhadap perkembangan politik di Kaherah dan harapannya supaya pihak berkuasa Mesir dapat melentur serta memusnahkan ancaman dari puak radikal Islam.

Justeru itu, tidaklah mengejutkan sekiranya badan-badan hak asasi manusia tidak tertarik dengan pernyataan kebimbangan oleh pegawai Amerika tentang penganiayaan terhadap hak asasi manusia oleh regim Mesir. Segelintir mereka mengkritik kerajaan Amerika kerana memujuk Mubarak dan menggunakan kerajaannya untuk mencabuli hak asasi manusia. Ini termasuklah penahanan tanpa bicara, penyeksaan, membunuh

---

<sup>33</sup> Lihat perakuan Laurance Pope dalam *Hearing of the Senate Judiciary Committee: Terrorism and America*, hal. 31.

<sup>34</sup> “U.S - Egyptian Search for Peace and Stability in the Middle East,” hal. 227; “An Arab-International Concensus on Condemning the Luxor Attack,” *Al-Hayāt*, 19 November 1997.

<sup>35</sup> Lihat Komiti Peguam-peguam bagi Hak Asasi Manusia Tahunan *Critique: Review of the U.S Department of the State’s Country Report on Human Rights Practices* (Washington DC: Lawyers Committee for Human Rights, Julai 1990-6).

<sup>36</sup> Robert H. Pelletreau, “Recent Events in the Middle East,” kenyataan di hadapan Subkomiti mengenai Eropah dan Timur Tengah, Komiti Mengenai Hubungan Luar, Washington DC, 14 Jun 1994, *U.S Department of State Dispatch*, vol. 5, no. 25, 20 Jun 1994, hal. 411.

suspek dan berbagai-bagai seksaan yang dilaporkan oleh badan seperti Middle East Watch dan Amnesty International. Organisasi Hak Asasi Antarabangsa Mesir menyatakan bahawa ia boleh mendokumenkan lebih daripada 700 individu yang telah ditahan berhubung dengan keganasan berhubung dengan keganasan militan atau penentangan politik di antara tahun 1989 dan 1997. Organisasi-organisasi hak asasi manusia menegaskan bahawa situasi hak asasi manusia di Mesir semakin buruk setiap tahun.<sup>37</sup>

Badan-badan hak asasi manusia juga mengkritik pembuat dasar Amerika yang menganggap kemenangan ketiga Mubarak dalam pilihanraya umum sebagai suatu kemenangan yang bersih, bukan sebagai pemilihan yang dipaksakan.<sup>38</sup> Sebagai contoh, Jawatankuasa Peguam bagi hak asasi manusia mengumumkan bahawa laporan Jabatan Negara tentang Mesir adalah sebagai; “often ambiguous and equivocal in tone, as if reluctant to hold the Egyptian Government responsible for its human rights commitments.”<sup>39</sup>

Beberapa alasan didapati menjelaskan keputusan pentadbiran Clinton menamatkan hubungannya dengan pihak Islamis dan berpaling kepada Mubarak. Meskipun lemah dan tidak popular, regim Mubarak telah menunjukkan bahawa masalah dapat diatasi dengan membedil keupayaan militan *al-Jamā'ah* dan *Jihād* dan membunuh beberapa pemimpin utamanya. Pemerhati di Mesir bersetuju bahawa kerajaan agak berjaya dalam menjatuhkan kumpulan penganas dan ia mengakibatkan korban besar kepada gerakan *Jamā'ah Islāmiyyah*, *Jihād* dan puak Islam lain. Situasi keselamatan menjadi semakin terkawal terutamanya di Kaherah yang merupakan nadi penggerak politik dan ekonomi Mesir. Sekitar tahun 1995, pembuat polisi Mesir tidak lagi bimbang dengan ancaman puak Islam sebagaimana yang dialami pada awal tahun 1990an.

<sup>37</sup> Lihat laporan oleh Middle East Watch, *Egypt: Hostage-Taking and Intimidation by Security Forces* (New York: Human Right Watch, Januari 1995); *Egypt Trials of Civilians in Military Courts Violate International Law* , (New York: Human Rights Watch, Julai 1993); *Behind Closed Doors: Torture and Detention in Egypt* , (New York: Human Rights Watch, 1992). Lihat juga *The 1995 Critique* oleh Lawyers Committee for Human Rights, hal. 70; Douglas Jehl, “Killings Erode Cairo’s Claim to ‘Control’ Militants,” *New York Times*, 15 Mac 1997.

<sup>38</sup> Lihat sebagai contoh, *The 1996 Critique* oleh The Lawyers Committee for Human Rights, hal. 61-62, dan *The 1992 Critique*, hal. 88-89.

<sup>39</sup> *Ibid.*, 1995, hal. 67 dan 71.

## Politik Amerika Terhadap Perkembangan Politik Islam Di Mesir

Secara umumnya adalah jelas bahawa pegawai Amerika dan Mesir merasa terlalu yakin dalam penilaian mereka terhadap nasib puak radikal Islam. Pada suatu ketika, kerajaan Mesir sampai ke suatu tahap mengisyiharkan kemenangan dalam perangnya menentang militan Islam. Pada tahun 1996, Hassan al-Alfi, yang kemudiannya dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri mengumumkan bahawa pasukan keselamatan berjaya mengawal ketenteraman dalam negeri dengan sepenuhnya dalam rangka berdepan dengan kempen berdarah yang dimulakan oleh militan Islam lebih daripada lima tahun lalu yang bertujuan menggulingkan regim sekular Mesir dan menggantikannya dengan sebuah negara Islam.<sup>40</sup>

Apa yang tidak disedari oleh pegawai Mesir dan Amerika ialah tentang pergerakan Islam serpihan yang bertindak semakin radikal. Gerakan serpihan ini menjadikan kerajaan Kaherah yang berusaha untuk mencapai kawalan penuh itu hampir tidak dapat dipertahankan lagi. Pegawai Mesir mulai sedar keadaan ini apabila pada musim bunga tahun 1997, *Jamā'ah Islāmiyyah* dan *Jihād* berjaya melancarkan siri serangan hebat di tengah Mesir, Luxor dan Kaherah sendiri yang mengakibatkan lebih daripada seratus orang awam Barat dan Mesir terkorban.<sup>41</sup>

Apa yang tersirat di sebalik serangan ini ialah ia bukan sahaja mematikan dakwaan bahawa kerajaan Kaherah telah berjaya dalam usaha menghapuskan keganasan tetapi juga mengambarkan bahawa puak Islam masih lagi berkuasa. Dari tahun 1992 sehingga 1996, hampir kesemua keganasan adalah merujuk kepada pertempuran di antara pasukan berkuasa keselamatan dan militan di bahagian tengah dan atas Mesir. Kerajaan Mubarak telah berjaya mengasingkan lingkungan konfrontasi jauh daripada Kaherah dan kawasan tumpuan pelancong. Tetapi pada September dan November 1997, kejayaan militan membunuh pelancong Barat di hadapan muzium Mesir di tengah-tengah bandar Kaherah dan di Luxor berhasil membunuh hampir seratus orang awam.

Kedua-dua serangan ini adalah merupakan suatu peringatan pahit bahawa kemusnahan puak *Jamā'ah Islāmiyyah* dan *Jihād* tidak bermakna berakhirnya sebuah inspirasi politik ganas di Mesir. Serangan itu juga menunjukkan kerajaan mengakui bahawa pemusnahan ke atas militan tidak akan dapat secara langsung mengekang keganasan selama mana regim Mubarak tidak berupaya menyelesaikan isu pemulihan sosial dan penyertaan politik. Untuk menjadi lebih berkesan, landasan keselamatan

<sup>40</sup> Jehl, "Killings Erode Cairo's Claim to 'Control' Militants."

<sup>41</sup> Ibid. Lihat juga Steve Negus, "Copts Massacred," *Middle East International*, 7 Mac 1997, hal. 11 dan "Tourists Slain in Cairo," *Middle East International*, 26 September 1997, hal. 11.

hendaklah digabungkan dengan pertimbangan politik untuk memperluaskan pengkalan sosial regim dan memberi harapan baru kepada kelas sosial yang sedang meningkat di masa depan. Jika tidak, tentera-tentera muda yang menganggur ini akan merasa terpinggir dan terasing lalu terpengaruh dengan tawaran syurga dan revolusi, yang secara langsung akan menyambung nafas perjuangan *Jamā'ah Islāmiyyah* dan *Jihād*.<sup>42</sup>

### **PERMULAAN BERAKHIRNYA JAMA'AH ISLĀMIYYAH DAN JIHĀD?**

Walaubagaimanapun, kekuatan puak militan tidak perlu digembar-gemburkan sangat. Mereka sebenarnya telah menderita kemusnahan yang dahsyat. Salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh *Jamā'ah Islāmiyyah* dan *Jihād* kini ialah keupayaan mereka mengekalkan garis komunikasi di kalangan pangkat dan organisasi. Baru-baru ini, beberapa perkembangan dan insiden telah mendedahkan kewujudan perpecahan yang serius, ketegangan dan percanggahan di dalam kedua-dua kumpulan militan ini. Pada bulan Julai 1997, pemimpin-pemimpin hebat *Jamā'ah Islāmiyyah* dan *Jihād* yang dipenjara telah mengisyiharkan gencatan senjata tanpa syarat dan memanggil pemimpin-pemimpin gerakan di luar negara dan pengikut-pengikutnya di Mesir supaya menghentikan serangan bersenjata. Walaupun ramai pemimpin *al-Jamā'ah* dan *Jihād* bersetuju menyertai seruan bagi gencatan senjata, rakan-rakan mereka dalam buangan menolak untuk menerima inisiatif tersebut. Golongan penentang mempertahankan hujah dengan mempersoalkan hak pemimpin mereka di dalam tahanan dan kehendak takdir ketika mereka dipenjarakan.<sup>43</sup>

Perdebatan hangat yang tercetus oleh usul mengadakan gencatan senjata mendedahkan perpecahan di antara pimpinan dan organisasi militan. Apa yang menghairankan, kerajaan Mubarak bertindak menyokong barisan tegar dalam *Jamā'ah Islāmiyyah* dan *Jihād* dengan menolak tawaran mengadakan gencatan senjata. Al-Alfi, Menteri Dalam Negeri Mesir berkata bahawa kerajaan menolak sebarang dialog dengan kumpulan-kumpulan haram. Beliau juga menegaskan keazaman Kaherah memerangi dan mengalahkan puak militan.<sup>44</sup> Seseorang mungkin menyangka bahawa

<sup>42</sup> Wahid Abd al-Majid, "Reform to Confront Terrorism," *Al-Hayāt*, 23, 7 November 1997; Negus, 'Tourists Slain in Cairo,' hal. 11.

<sup>43</sup> Mohammed Saleh, "Egypt: Leaders of the al-Jama'a al-Islamiyyah Decide to Cease Hostilities," *Al-Hayāt*, 6 Julai 1997. Saleh, "Egypt: Two Leaders of Jihad Join the Declaration of Cease Fire," *Al-Hayāt*, 10 Julai 1997. Saleh, "Egypt: Leaders of al-Jama'ah and Jihad Join the Ceasefire," *Al-Hayāt*, 13 Julai 1997.

<sup>44</sup> Hussam Kamal dan Mohammad Saleh, "Al-Alfi: No Dialogue with al-Jama'ah al-Islamiyya in Egypt," *Al-Hayāt*, 7 September 1997.

pihak berkuasa akan menggunakan tawaran gencatan senjata untuk meminggirkan barisan tegar Islam. Kerajaan bukan sahaja gagal melaksanakannya tetapi juga mengecewakan beberapa pemimpin dalam puak *Jamā'ah Islāmiyyah* dan *Jihād* yang mempunyai pandangan lain terhadap keganasan. Dalam hal ini, respons kerajaan yang dangkal itu mengukuhkan barisan tegar dan mungkin hanya akan meneruskan konfrontasi yang berpanjangan.

Serangan di Luxor turut menjarakkan lagi jurang di antara kepemimpinan *Jamā'ah Islāmiyyah* yang ditahan dan yang berada dalam buangan. Dilaporkan bahawa pemimpin-pemimpin yang ditahan telah merasa terkejut di atas peristiwa Luxor dan berpendapat bahawa serangan itu sebagai pencerobohan merbahaya terhadap gencatan senjata di mana ianya dihalakan kepada pelancang selepas mereka sendiri menyeru kepada gencatan senjata.<sup>45</sup> Pemimpin-pemimpin buangan mereka turut mempersoalkan penggunaan pendekatan ganas dan memberikan arahan yang keras menentang serangan ke atas pelancung. Satu kenyataan daripada *Jamā'ah Islāmiyyah* telah melahirkan rasa ngerinya terhadap keganasan pembunuhan tersebut dan berkata bahawa *Jamā'ah Islāmiyyah* mengambil keputusan menghentikan serangan samada ke atas industri pelancungan dan juga pelancung asing.<sup>46</sup>

Sesungguhnya, tiada insiden lain yang dapat merangsang tanggapan umum dan dunia Islam untuk menentang tindakan *Jamā'ah Islāmiyyah* seperti apa yang tercetus daripada pembunuhan di Luxor. Parti politik, pemimpin agama dan organisasi sosial di Mesir mengutuk keras tindakan tersebut dan menyeru supaya kerajaan meningkatkan lagi penentangan terhadap teroris. *Ikhwān al-Muslimīn* turut mengulas bahawa penyerang berkenaan sebagai “tidak waras dan tidak beragama.”<sup>47</sup> Kerajaan dan puak-puak Islam mengumumkan penolakan terhadap serangan tersebut tanpa berdolak-dalah lagi. Presiden Iran, Mohammed Khatami menulis kepada Mubarak dan mengisyiharkan bahawa serangan tersebut sebagai suatu yang tidak berperi-kemanusiaan dan kejam. Begitu juga Presiden Sudan, Omar Hassan al-Bashir. Mohammed Fadlallah, pemimpin kerohanian Hizbollah mengkritik jenayah serangan itu sebagai

<sup>45</sup> Mohammed Saleh, “Egypt: Imprisoned Leaders of al-Jamaah Considered the Luxor Operation a Violation of the Safety Vow,” *Al-Hayāt*, 23 November 1997.

<sup>46</sup> Mohammed Saleh, “Egypt: al-Jamaah al-Islamiyya Decides to Stop Operations Against Tourism,” *Al-Hayāt*, 8 Disember 1997. Lihat juga “Rebel Group Forswears Tourist Attack in Egypt,” *New York Times*, 9 Disember 1997.

<sup>47</sup> “An Arab-International Concensus on Condemning the Luxor Attack.”

suatu yang tidak dapat diterima dari perspektif Islam. Gerakan Hamas di Palestin juga mengutuk serangan tersebut.<sup>48</sup>

Tragedi berdarah dan menjijikkan di Luxor sebenarnya membolehkan kerajaan Mesir mendapat inisiatif politik daripada puak Islam dan memperbaiki hubungannya yang musnah dengan masyarakat. Bolehkah Mubarak berdepan dengan faktor politik dan sosial yang menyalaikan api kekecewaan, pengasingan dan keganasan; daripada hanya menumpukan ke atas aspek keselamatan seperti yang disarankan oleh ramai pembuat polisi, aktivis sosial, dan pemimpin politik di Mesir? Petunjuk awal mendapati ianya tidak begitu memberangsangkan. Mubarak menangani serangan di Luxor dengan memecat Menteri Dalam Negerinya iaitu al-Alfi dan mentadbir sendiri gerakan keselamatan yang diharap dapat menolong memulihkan industri pelancungan. Buat pertama kali, tentera terlibat dalam melindungi para pelancung dan mengawal kawasan bersejarah; suatu misi yang asalnya diserahkan sepenuhnya kepada pihak polis.<sup>49</sup>

Langkah-langkah keselamatan yang ketat dan intensif tidak disertai dengan sebarang isyarat politik yang positif kepada pembangkang. Bahkan, Mubarak sendiri menolak dialog yang menyokong peningkatan tentang terhadap militan.<sup>50</sup> Pihak pembangkang juga tidak merasakan bahawa peristiwa Luxor akan membawa sebarang perubahan besar dalam pendekatan kerajaan terhadap gerakan Islam. Mereka sebenarnya gusar kepada ancaman dan tekanan yang bakal lebih hebat lagi.<sup>51</sup>

---

<sup>48</sup> Daoud Hasan, "Iranian President to Mubarak: Foreign Powers Conspire Against Egypt," *Al-Hayat*, 20 November 1997. "Condemnation of the Luxor Massacre Continues and Concensus Regarding Its Harms to Islam." *Ibid.*; "Fadllallah Accuses Israel and America in the Luxor Operation," *Al-Hayāt*, 21 November 1997.

<sup>49</sup> Mohammed Saleh, Hussam Kamal dan Hazem Mohammed, "Egypt: The Army Participates for the First Time in the Protection of Tourist Areas," *Al-Hayāt*, 23 November 1997. Douglas Jehl, "Shake-up in Cairo Follows Tourists' Killings," *New York Times*, 20 November 1997.

<sup>50</sup> Al-Husseini and al-Fiqi, "Mubarak: The Terrorists in Britain; No Dialogue with Them Because It Strengthens Them."

<sup>51</sup> Hazem Mohammed, "Changes in the Egyptian Security Apparatus Highlights the Role of 'Political Security,'" *Al-Hayāt*, 21 November 1997.

## MENILAI POLISI AMERIKA TERHADAP MESIR DAN GOLONGAN ISLAM

Meskipun berdepan dengan masalah sedemikian, kedua-dua regim Algeria dan Mesir telah membuktikan bahawa mereka harus lebih tegas daripada hanya menunjukkan rasa takut. Bagaimanapun, perbezaan pendekatan Clinton terhadap kedua-dua negara itu agak ketara. Pentadbiran Amerika samada secara terbuka atau diam-diam tertarik dengan tuntutan regim Algeria untuk melaksanakan pembaharuan politik dan ekonomi, serta menerima aktivis-aktivis Islam berhaluan sederhana ke dalam kerajaan. Dalam kes Mesir, pentadbiran Clinton mengelak daripada memberikan kenyataan umum, serta bersikap mengenepikan sebarang tekanan yang boleh ditafsirkan sebagai sikap kritikal terhadap regim Mubarak. Amerika tidak pernah membuat kenyataan umum mengenai tindakan ganas Mubarak terhadap *Ikhwān Muslimīn* atau serangannya terhadap pertubuhan-pertubuhan professional. Apabila ditanya kenapa Washington berdiam diri, pegawai kanan Jabatan Negara berkata bahawa Amerika tidak boleh campurtangan dalam masalah dalaman Mesir.<sup>52</sup> Tindakan ini seolah-olah tidak menghiraukan pandangan tempatan yang menafsirkan sikap lepas tangan Washington sebagai suatu sokongan jelas kepada regim Mubarak. Menurut kacamata Amerika, kestabilan di Mesir adalah melebihi mana-mana pertimbangan yang lain.

Menurut William Quandt, seorang pembuat polisi Amerika menyatakan keyakinannya bahawa; “the achievements of the past could be lost if, for example, the regime in Egypt changed suddenly, [or] if radical Islamic movements gained ground.”<sup>53</sup> Seorang ahli sejarah, Paul Keneddy turut mengulas bahawa kerajaan Mubarak telah menyediakan; “bulwark against perhaps the most significant long-term threat in the region - radical Islamic fundamentalism.” Keneddy menambah bahawa keruntuhan regim Mubarak berupaya merosakkan kepentingan Amerika lebih daripada apa yang telah dicetuskan oleh Revolusi Iran.<sup>54</sup>

Pegawai-pegawai Amerika berkongsi pandangan dengan Mubarak mengenai aktivis Islam kerana mereka melihat bahawa kemenangan puak fundamentalis di Mesir sebagai yang terulung dan kejatuhan domino pertama yang mengakibatkan seluruh

---

<sup>52</sup> Fakta ini dianggap sebagai *off-record* dalam perjumpaan para pegawai dan sarjana di New York, April 1996.

<sup>53</sup> William B. Quandt, *Peace Process: American Diplomacy and the Arab-Israeli Conflict Since 1967*, (Berkeley dan Los Angeles: University of California Press, 1993), hal. 418.

<sup>54</sup> Chase, Hill, dan Kenedy, “Pivotal States and U.S Strategy,” *Foreign Affairs*, hal. 40.

dunia Arab akan tunduk kepada revolusi Islam.<sup>55</sup> Mesir juga terus memainkan peranan yang penting dalam proses damai Arab-Israel, suatu tumpuan Amerika yang paling utama. Justeru akur dengan alasan-alasan tersebut, beberapa pakar seperti Paul Wolfowitz, bekas Setiausaha Pertahanan Polisi telah menasihatkan Amerika dan sekutunya supaya menyokong kerajaan Mesir khususnya dalam period yang merbahaya ini dengan menunjukkan sikap memahami (bertolak ansur) tindakan-tindakan ganas yang diambil oleh kerajaan Mesir terhadap teroris.<sup>56</sup>

Walaubagaimanapun, tidak semua pegawai-pegawai Amerika berkongsi sentimen ini. Sebahagiannya gusar bahawa tindakan ganas kerajaan Mesir terhadap gerakan Islam utama akan mengundang tindakbalas yang hanya membahayakan regim Mubarak. Pandangan minoriti dalam kerajaan Amerika mahu Mubarak menunjukkan sikap lebih menghormati hak-hak asasi manusia serta memperkenalkan pembaharuan politik.<sup>57</sup> Menurut pegawai-pegawai NSC; “we have impressed on our friends, including the Egyptians, the need to be more inclusive, to broaden their political base, and integrate the major opposition forces, which are reform-minded, into the political process.”<sup>58</sup>

Dilema yang menghantui pembuat polisi Amerika di Mesir hari ini ialah bagaimana untuk mengimbangi perhatian terhadap hak-hak asasi manusia dan demokrasi; dengan keperluan untuk menangani isu yang lebih besar seperti kestabilan serantau dan suasana yang lebih komprehensif bagi rundingan damai Arab-Israel. Sebagai contoh, satu kajian yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Senat mengenai Hubungan Luar pada tahun 1993 telah memberi amaran terhadap tindakan terburuburu yang boleh berkompromi dengan kestabilan dalaman Mesir serta merosakkan kepentingan Amerika.<sup>59</sup> Lima tahun kemudian, timbul suatu keputusan yang relatif di kalangan pelajar-pelajar mengenai Mesir yang berpendapat bahawa isu hak asasi

---

<sup>55</sup> Zachary Karabell, “The Wrong Threat: The United States and Islamic Fundamentalism,” *World Policy Journal*, (Summer 1995), hal. 44-45.

<sup>56</sup> Paul Wolfowitz, “Challenges to U.S Interests in the Middle East,” dalam Mirsky, Ahrens dan Sultan, ed., *Challenges to U.S Interests in the Middle East: Obstacles and Opportunities*, hal. 19.

<sup>57</sup> *The Battle Looms: Islam and Politics in the Middle East*, kajian yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Senat mengenai Hubungan Luar, hal. 19.

<sup>58</sup> Temubual, Washington DC, 29 Mac 1995.

<sup>59</sup> *The Battle Looms*, hal. 19.

## Politik Amerika Terhadap Perkembangan Politik Islam Di Mesir

manusia tidak ditonjolkan secara jelas dalam hubungan Amerika-Mesir meskipun bentuk-bentuk keganasan yang serius telah wujud di negara itu.<sup>60</sup>

Pentadbiran Clinton kelihatan keberatan untuk mengkritik pencerobohan kerajaan Mesir terhadap hak-hak asasi manusia. Bahkan apabila berlaku, ia hanya dikaitkan dengan tindakan Mubarak yang tidak disengajakan tetapi perlu untuk bertindakbalas terhadap keganasan puak pelampau. Kegusaran di kalangan pemerhati bebas kini ialah bahawa tindakan menggunakan kekerasan tanpa had terhadap aktivis dan pelampau Islam hanya akan menggambarkan Amerika bersekongkol membantu Mubarak bebas mengenepikan hak-hak asasi manusia puak pembangkang yang sekaligus menyumbang kepada hakisan peraturan dan undang-undang secara umum.<sup>61</sup>

## SARANAN POLISI

Keganasan pihak pembangkang tidak seharusnya mengabsahkan pelanggaran hak-hak asasi manusia sebagaimana yang dilakukan oleh pihak berkuasa Mesir. Sebagai salah satu daripada negara-bangsa yang tua di dunia, Mesir akan memusnahkan dirinya jika ia melanggar berterusan undang-undang dan berkelakuan seperti *Jamā'ah Islāmiyyah*. Malangnya, kerajaan Mesir bertindak serupa seperti musuhnya dan cuba mengabsahkan penyalahgunaan hak-hak asasi manusia dengan mewar-warkan keganasan yang dilakukan oleh aktivis Islam. Tindakan dangkal ini sebenarnya adalah sia-sia dan tidak perlu. Berlainan dengan Algeria, institusi politik dan undang-undang Mesir adalah cukup maju dan bersedia untuk menangani ancaman dari puak-puak radikal Islam. Dari masa ke semasa, negara Mesir selamat daripada ancaman ketenteraan; ini membuktikan ianya masih berkuasa dan teguh. Mubarak kelihatan berjaya menangani *Jamā'ah Islāmiyyah* dan lain-lain puak pemisah dengan menyempitkan ruang penglibatan politik yang sah serta protes.<sup>62</sup>

Namun apa yang membahayakan ialah tindakan kerajaan Mesir yang semakin agresif ini hanya akan meminggirkan golongan kelas pertengahan. Tindakan *drakonia* yang dilakukan oleh regim Mubarak menyebabkan berlakunya polarisasi dan

<sup>60</sup> Lihat "Human Right in the Middle East," perakuan Neil Hick di hadapan Subkomiti mengenai Eropah dan Timur Tengah, Komiti Mengenai Hubungan Luar, 15 September 1992, dan Cassandra, "The Impending Crisis in Egypt," *Middle East Journal* 49, no. 1 (Winter 1995), hal. 25-26.

<sup>61</sup> Lawyer Committee for Human Rights, *Critique*, 1992, 1992, 1995, 1996, 1997.

<sup>62</sup> Cassandra, "The Impending Crisis in Egypt," hal. 10, 15, 17-18.

keradikalan yang bertambah dalam politik Mesir. *Ikhwān Muslimīn* turut mendapat simpati dan pengaruh justeru menyarankan dialog nasional dan mengecam keganasan *al-Jamā'ah*.<sup>63</sup> Sikap sederhana *Ikhwān* pada mata umum ini memperlihatkan ianya berpotensi sebagai sebuah kerajaan bayangan yang bertanggungjawab.

Pentadbiran Clinton mesti mengimbangi sokongannya kepada Mubarak dengan keperluan untuk melindungi dan meningkatkan hak-hak asasi manusia, kepuatan kepada undang-undang, serta sebuah kerajaan yang diwakili. Malangnya, Amerika telah membenarkan perhitungan keselamatannya yang singkat melampaui sokongannya terhadap nilai-nilai liberal dan demokrasi. Walaupun laporan Jabatan Negara tentang Amalan Hak Asasi Manusia mendokumenkan penyalahgunaan Hak Asasi Manusia oleh kerajaan Mesir, ianya tidak memandu dan mempengaruhi polisi Amerika. Pembuat polisi Amerika tidak mengkritik tindakan ganas Mubarak tetapi juga seolah-olah tidak mempedulikan mereka. Pihak Mesir berpendapat bahawa sikap bisu Washington itu seperti memberi laluan mudah untuk menekan pembangkang yang sah.

Klasifikasi pentadbiran Clinton di antara golongan *moderate* dan *extremis Islam* tidak digunakan dalam kes Mesir. Pada mulanya, pegawai-pegawai Amerika mengakui kepentingan peranan serta pengaruh puak Islam dan melibatkan mereka dalam beberapa dialog. Namun demikian, Amerika memutuskan hubungan apabila Mubarak menuduh Amerika bertindak melampau dan memusnahkan regimnya. Justeru menuruti tekanan Mubarak, pegawai pentadbiran Clinton, samada bersetuju atau tidak, kelihatan berkongsi dengan ketakutannya terhadap puak Islam yang dikatakan sebagai anti Barat dan demokrasi itu. Hasilnya, Mubarak telah berkeyakinan penuh dalam usahanya untuk meminggir dan mematahkan semua pembangkang.

Strategi konfrontasi Mubarak adalah resepi bagi suatu konflik sosial yang berpanjangan. Beberapa pegawai Amerika secara diam-diam melahirkan keperihatinan mereka bahawa Mubarak akan membawa Mesir ke haluan yang sama seperti yang dilakukan oleh general-general Algeria. Mereka bimbang regim Mesir akan menggunakan paksaan bagi mencapai motif politik dan mencetuskan perpecahan di kalangan penduduk Mesir. Amaran pegawai-pegawai kelihatannya tidak diambil berat dan dilaksanakan oleh pentadbiran Clinton. Mereka tidak mahu menghukum Mubarak serta mengancam keselamatan seorang sekutu yang sangat penting.

Walaubagaimanapun, polisi semasa Amerika terhadap Mesir mungkin melahirkan hasil yang bertentangan. Semakin banyak Mubarak mengumpulkan kuasa di

<sup>63</sup> Temubual dengan pemimpin *Ikhwān* iaitu Seif al-Islam Bana dalam *Al-Hayāt*, 14 November 1995, hal. 5 ; *Al-Wasat*, 7 Ogos 1995, hal. 16-17. *Al-Hayāt*, 20 November 1995, hal. 5; *Al-Hayāt*, 21 November 1995, hal. 1, 6.

tangannya, beliau hanya akan melanjutkan krisis kekuasan di Mesir. Order politik Mesir seolah-olah menemui jalan buntu. Samada ia boleh mempertahankan *status quo* dan kemusnahan mahkamah atau bergerak ke arah liberalisasi, membuka ruang politik yang luas dan mencipta masyarakat yang lebih komprehensif dan demokratik. Pilihan kedua akan menyebabkan berlakunya pembaharuan dalam institusi-institusi di Kaherah dan memperbaiki jurang di antara negara dan rakyat. Masyarakat Mesir adalah hebat dan dinamik serta mudah berhadapan dengan sebarang kejutan politik.

Selain daripada faktor eksklusif serta struktur sosiopolitik dan ekonomi, kunci kestabilan dan pembangunan di Mesir adalah lebih bersifat komprehensif. Puak-puak Islam yang berpengaruh dan juga lain-lain elemen pembangkang seharusnya diraikan bukannya ditekan, dan diberi peluang menyertai proses politik. Memperluaskan ruang politik dan penyertaan akan mengurangkan tekanan terhadap kerajaan khususnya ketika mana ia berusaha secara serius untuk melaksanakan program ekonomi yang merupakan suatu tanggungjawab sosial yang paling utama. Reformasi politik yang dituruti oleh petunjuk ekonomi terkini yang dicatatkan mungkin berupaya menamatkan keganasan yang semakin memuncak.<sup>64</sup>

Masalah Mesir sebenarnya terletak di atas faktor sistem satu parti di mana ianya tidak boleh berkongsi kuasa. Pengaruh puak militan Islam dengan mudah dapat dikurangkan jika kerajaan Mesir mampu menggerakkan semua unsur-unsur peradaban dan politik dalam masyarakat. Mubarak mempunyai peluang keemasan untuk bertindak dan menutupi jurang politik dalam negara itu khususnya selepas peristiwa Luxor serta setelah mendapat pujian dan sokongan dari masyarakat dan parti-parti politik kepada kerajaan. Amerika perlu berhadapan dengan sekutunya Mesir berhubung akibat jangka panjang yang besar sekiranya ia gagal diperbaiki; di mana Mesir bukan sahaja gagal untuk menyertai ekonomi tetapi akan terus tenggelam dalam kemiskinan dan kezaliman pemerintahan.

## PENUTUP

Hasil kajian terhadap polisi Amerika di Mesir jelas menunjukkan sikap dalam dua-muka negara itu terhadap umat Islam, justeru menjaga kepentingan mereka di rantau Arab. Bagi mereka, kedua-dua pihak sama ada regim sekular atau Islam bukanlah

<sup>64</sup> Ekonomi Mesir telah menunjukkan peningkatan pencapaian yang membanggakan. Hutang luar negara telah berkurangan daripada \$50 billion kepada \$34 billion. Lihat Sullivan, "State and Civil Society in Conflict in Egypt," hal. 80, 86.

faktor mutlak yang boleh mempengaruhi pembikinan polisi di negara Mesir. Kepentingan Amerika khususnya bagi menguasai kekayaan minyak serta mendokong pendudukan Israel di bumi Arab tetap merupakan faktor utama sehingga ia sanggup mengadakan hubungan dengan kedua-dua puak di Mesir dalam satu masa yang sama. Walaupun pernah cuba berbaik-baik dengan puak Islam, hubungan dengan regim Mesir terpaksa diteruskan justeru bimbang terhadap kebangkitan Islam yang bakal meragut semua kepentingan mereka di rantau tersebut.

Meskipun Amerika terpaksa berdepan dengan pelbagai kritikan daripada pejuang-pejuang hak asasi manusia yang memperjuangkan kebebasan manusia ciptaannya sendiri, negara itu tetap meneruskan sokongannya kepada Mesir di atas kempen “menentang keganasan”. Apa yang sangat mendukacitakan; khususnya dalam keadaan Amerika amat jelas membenci Islam dan umatnya, masih terdapat regim negara Islam seperti di Mesir yang sanggup menjadi boneka Amerika untuk menindas rakyatnya sendiri. Apakah tindakan sedemikian dapat memuaskan hati pihak Barat terhadap Islam dan umatnya? Apakah tindakan ketenteraan yang diambil dalam membendung keganasan berupaya mematahkan kebangkitan umat ekoran rasa tidak puas hati mereka terhadap kebenturan politik, ekonomi dan sosial di Mesir? Apakah tindakan seperti ini dapat mengembalikan imej Islam yang tercemar ekoran pelbagai keganasan yang dikaitkan di atas nama Islam hari ini. Mana-mana regim yang diberikan peluang berkuasa seharusnya lebih peka kepada tuntutan umat Islam dalam penentuan dasarnya berbanding sentiasa berkiblat kepada kepentingan Amerika yang tidak pernah akur kepada kebangkitan Islam yang kini dianggap sebagai seterus baru selepas kejatuhan komunis di Rusia.